



# LGM Properties Corporation

Tingkat 3, Bangunan Getah Asli, 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
 Tel: 03-2171 1177 Fax: 03-2171 1151

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah kod bidang yang ditetapkan serta masih dibenarkan membuat tawaran sebut harga buat masa ini bagi perkhidmatan seperti berikut:

NO. TAWARAN	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH / MASA / TEMPAT TAKLIMAT & PENJUALAN DOKUMEN
LPCPT – 23 / 2024	PERKHIDMATAN KERJA-KERJA MEMBEKAL TENAGA KERJA, PERALATAN, BAHAN KIMIA & JENTERA UNTUK KERJA MERACUN KAWASAN KELAPA SAWIT(OP1, OP3 – OP8) DI LADANG LGM PAHANG TENGGARA SELAMA 24 BULAN	Kod bidang yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan:  <b>221104</b> atau <b>222104</b>	<p><b><u>Taklimat / Lawatan Tapak</u></b></p> <p>Tarikh : <b>23 Mei 2024 (Khamis)</b>            Masa : <b>10.00 pagi</b>            Tempat : <b>Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang</b></p> <p><b><u>Jualan</u></b></p> <p>Tarikh : <b>23 Mei 2024 (selepas taklimat)</b>            Masa : <b>12.00 t/hari – 5.00 petang</b>            Tempat : <b>Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang</b></p> <p>Tarikh : <b>24 Mei 2024 - 27 Mei 2024</b>            Masa : <b>9.00 pagi – 3.00 petang</b>            Tempat : <b>Ladang LGM Pahang Tenggara KM 12, Jalan Bukit Ibam, Muadzam Shah, Pahang</b></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab (Pembelian Dokumen) : <b>1. Cik Noor Faidatul Faizan</b>            Tel: 013-9731482            e-mel: <a href="mailto:lgmibam@gmail.com">lgmibam@gmail.com</a></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab (Spesifikasi) : <b>1. En. Wan Zuraidi Bin Sulaiman</b>            Tel: 012-3062410            e-mel: <a href="mailto:wanzuraidi@lgmpc.com.my">wanzuraidi@lgmpc.com.my</a></p> <p><b>2. En. Muhamad Farid Bin Omar</b>            Tel: 019-2710057            e-mel: <a href="mailto:faridomaribam@gmail.com">faridomaribam@gmail.com</a></p>

**Syarat Kehadiran Taklimat / Lawatan Tapak**

**Kehadiran Ke Sesi Taklimat / Lawatan Tapak Adalah WAJIB**

Hanya penama yang tercatat di dalam Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat / lawatan tapak. Kehadiran adalah terhad kepada dua (2) penama bagi satu (1) syarikat.

Hanya syarikat yang menghadiri sesi taklimat sahaja dibenarkan membeli dokumen sebut harga. Bagi pembelian dokumen sebut harga, penama boleh mewakili mana-mana kakitangan syarikat sebagai wakil dengan mengemukakan surat lantikan perwakilan rasmi.

Penama/Wakil yang dilantik dikehendaki membawa cop syarikat dan sijil berkaitan di atas berserta sijil taraf Bumiputera (jika bertaraf Bumiputera), Surat Akaun Pendaftaran Sales & Service Tax (SST) (jika ada) dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan ketika membeli Dokumen Sebut Harga. Segala kos berhubung permohonan sebut harga ini adalah ditanggung oleh pemohon.

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu yang ditetapkan dengan harga **RM60.00 (Ringgit Malaysia : Enam Puluh sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran secara wang tunai / cek tidak diterima. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf / Wang Pos) atas nama **LGM Properties Corporation** atau pindahan elektronik ke akaun berikut (*sila kemukakan slip bukti pembayaran semasa pembelian dokumen sebut harga*):-

Nama Akaun : LGM PROPERTIES CORPORATION  
No Akaun : 5144 9520 3483  
Bank : Maybank Banking Berhad (KLCC Branch)  
Swift Code : MBBEMYKLLC

**Nota:-**

- Syarikat tidak dibenarkan untuk membuat pembayaran dokumen sebelum sesi taklimat / lawatan tapak dilaksanakan.
- Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi arahan yang telah ditetapkan.

Dokumen Sebut Harga yang dihantar perlu dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta dicatatkan Tajuk dan No. Sebut Harga/Tender. Dokumen Sebut Harga/Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan **sebelum atau pada 31 Mei 2024, jam 12.00 tengah hari.**

**LGM PROPERTIES CORPORATION**  
Unit Perolehan  
Tingkat 3, Bangunan Getah Asli,  
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

LGM Properties Corporation (LGMPC) tidak bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan. LGM Properties Corporation (LGMPC) juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung penyediaan dokumen sebut harga ini, tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan memberikan apa-apa maklum balas sebab sebut harga itu ditolak. Sebarang keputusan adalah muktamad.



Wan Zuraidi Bin Sulaiman  
Pengurus Ladang (G3)  
LGM Properties Corporation  
Ladang LGM Pahang Tenggara